

PELESTARIAN WARISAN KEBUDAYAAN MELAYU MENYUMBANG KEPADА PENJAGAAN AGAMA

Preservation Of Malay Cultural Heritage Contributes to The Protection of Religion

Syed Muhammad Adib Termizi Ahmad al-Jafari^{1a*,b}

^aFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

^bPensyarah Bebas Singapura
Emel: md_Adib1@hotmail.com¹

*Corresponding Author: md_Adib1@hotmail.com

Received: 10 May 2023

Accepted: 5 September 2023

Published: 30 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no3.536>

Abstrak	Abstract
<p><i>Penciptaan manusia adalah sebuah penciptaan yang indah bukan dari sudut fizikalnya sahaja tetapi dari perkara luaran yang meliputiinya juga. Di antara keindahan tersebut Allah SWT menjadikan manusia terbahagi kepada beberapa bangsa dan dari setiap bangsa terdapat pecahan suku-suku di dalamnya. Bangsa-bangsa manusia ini kemudian dilengkarkan dengan adat budaya tersendiri yang menjadi identiti dan membina jati diri mereka. Namun kebanyakannya generasi kini berpandangan warisan budaya mereka adalah sebuah kemunduran dan perkara lapuk yang tiada impak yang signifikan dalam kehidupan di zaman moden ini lantas ianya dilupakan. Bertambah menyedihkan apabila budaya warisan bangsa lain lebih diagungkan dan diterima sebagai cara kehidupan berbanding warisan bangsa sendiri. Justeru artikel ini cuba meninjau bagaimana Islam menjaga warisan sesebuah bangsa dan melihatnya berperanan dalam</i></p>	<p><i>The creation of man is a beautiful creation not only from his physical point of view but from the external things that surround him as well. Among these beauties, Allah SWT divides human beings into several races and from each race there is a division of tribes in it. These human races are then equipped with their cultural customs that become their identities and build their identities. However, most generations now view their cultural heritage as a backwardness and as something obsolete that has no significant impact on life in modern times and then it is forgotten. It is even sadder when the heritage culture of other races is more glorified and accepted as a way of life than the heritage of one's own race. Therefore, this article tries to look at how Islam protects the heritage of a race and sees it as having a role in maintaining religion and lineage. The author uses the method of document analysis in this writing to see the</i></p>

<p>menjaga agama dan nasab. Penulis menggunakan kaedah analisis dokumen dalam penulisan ini bagi melihat pandangan sarjana Islam dalam pelestarian sesebuah budaya dan kepentingannya. Hasil kajian menunjukkan budaya Melayu telah berintegrasi dengan ajaran Islam dan pelestariannya membawa kepada penjagaan agama Islam itu sendiri secara tidak langsung.</p> <p>Kata Kunci: Islam, Melayu, Maqasid Syariah, Penjagaan Agama, Warisan Kebudayaan.</p>	<p>views of Islamic scholars on the preservation of a culture and its importance. The results show that Malay culture has integrated with the teachings of Islam and its preservation leads to the preservation of Islam itself.</p> <p>Keywords: Islam, Malay, Maqasid Syariah, Maintaining religion, Cultural Heritage.</p>
--	--

1. PENDAHULUAN

Globalisasi yang dipacu oleh kepantasan pertukaran maklumat melalui media elektronik telah membawa integrasi dalam setiap aspek kehidupan manusia termasuk kebudayaan. Ia menyebabkan penghakisan dan pupusnya budaya sesebuah bangsa apabila ia digantikan dengan budaya masyarakat lain. Warisan budaya Melayu juga tidak terlepas dari mengalami nasib yang sama. Lebih menyedihkan apabila warisan budaya Melayu disifatkan sebagai kolot, mundur dan penghalang kepada kemajuan dan menghambat kemakmuran.

Namun jika diteliti sejarah Nabi Muhammad SAW, Baginda tidak pernah menganggap budaya sesebuah bangsa sebagai sebuah perkara negatif yang perlu disingkirkan demi kejayaan dakwah selagi mana ia tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Para pendakwah Islam dari generasi seterusnya, seperti pendakwah awal yang datang ke tanah Melayu, merangkul budaya dan meresapkannya ke dalam dakwah mereka agar ia lebih mudah diterima oleh masyarakat (Azhar, 2012).

Ini menunjukkan bahawa warisan kebudayaan mempunyai peranan yang boleh dimainkan dalam menyampaikan kemaslahatan kepada masyarakat. Justeru kertas kerja ini cuba meninjau dimanakah letaknya kepentingan melestarikan budaya warisan sesebuah bangsa khususnya budaya Melayu dari kaca mata ilmu Maqasid al-Syariah.

2. PENGERTIAN MAQASID AL-SYARIAH:

Gambaran umum mengenai sesebuah ilmu itu amat penting. Gambaran ini diperolehi dari definisinya. Jika dilihat kepada istilah “Maqasid al-Syariah” ia mengandungi dua perkataan iaitu “Maqasid” dan “al-Syariah”. setiap perkataan mempunyai makna tersendiri dan apabila keduanya digabungkan, ia akan membentuk definisi kepada Maqasid al-Syariah itu sendiri. Dengan itu kedua kalimah ini perlu diertikan secara berasingan dan secara tergabung.

2.1 Pengertian Maqasid

Maqasid adalah kata banyak untuk *maqsad*. Perkataan ini mempunyai berbagai makna di dalam bahasa Arab di antara makna tersebut (al-Zubaidi, 2012; Ibnu Manzur, 1999):

- a. Jalan yang lurus dan keadilan. Firman Allah SWT dalam surah An Nahl ayat-9:

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا جَائِزٌ . . .

Maksudnya: “Dan hak bagi Allah menerangkan jalan yang lurus dan diantara jalan-jalan ada jalan yang bengkok . . .”.

- b. Mendarungi sesuatu.
- c. Menuju kepada sesuatu atau bangkit dan berazam untuk sesebuah perkara.
- d. Bergantung dan mengharap kepada sesuatu.
- e. Pertengahan. Seperti firman Allah Taala dalam surah Fathir ayat- 32:

فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُفْتَحِذٌ

Maksudnya: “Lalu diantara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan diantara mereka ada yang pertengahan”.

- f. Mematahkan.
- g. Dekat. Firman Allah Taala dalam surah At Taubah ayat- 42:

لَوْ كَانَ عَرَضاً قَرِيباً أَوْ سَقَراً قَاصِدًا لَا تَبْغُونَكَ . . .

Maksudnya: “Kalau yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperolehi dan perjalanan yang tidak beberapa jauh, pastilah mereka mengikuti mu . . .”.

2.2 Pengertian Syariah

Dari segi bahasa Syariah dapat diertikan dengan beberapa pengertian (al-Zubaidi, 2012; Ibnu Manzur, 1999):

- a. Jalan yang lurus.
- b. Membuat atau memintal tali.
- c. Melakukan sesuatu.
- d. Mengangkat sesuatu
- e. Tempat terkumpulnya air untuk diminum dan dibuat bekalan.

Dari sudut istilah pula Syariah bermaksud: "Hukum-hukum yang disyariatkan Allah SWT ke atas hamba-hamba-Nya melalui al-Quran atau al-Sunnah sama ada sunnah yang berupa perkataan, perbuatan atau pengakuan" (Zaidan, 2001). Ia dapat diertikan juga dengan: "Apa yang disuruh Allah SWT ke atas hamba-hambaNya dari urusan akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan setiap sudut kehidupan yang berbagai bagi mengatur hubungan diantara manusia dengan manusia, dan dengan Tuhan mereka untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat" (al-Qatthan, 1996).

2.3 Pengertian Maqasid Syariah

Para ulama salaf hanya menyebut bahawa Maqasid al-Syariah itu adalah mencapai kemaslahatan dan menolak kerosakan seperti mana al-Ghazali berkata: "Yang kami maksudkan dengan maslahat adalah menjaga tujuan syarak dan tujuan syarak dari penciptaan ini adalah lima: menjaga agama mereka, nyawa, akal, keturunan dan harta" (al-Ghazali, 1993). Para ulama masa kini pula mempunyai pengertian yang berbeza terhadap ilmu Maqasid al-Syariah, namun kesemuanya mempunyai makna yang hampir serupa.

- a. Dr Saad al-Yubi mengatakan bahawa *Maqasid al-Syariah* adalah: "Sebuah makna atau hikmah dan seumpamanya yang dipelihara oleh syarak dalam pensyariatan secara umum atau khusus bagi mencapai maslahat untuk hamba-hamba-Nya" (al-Yubi, 1998).
- b. Dr Wahbah mengertikannya dengan: "Nilai-nilai dan tujuan syarak yang tersirat dalam segenap atau sebahagian besar hukum-hukumnya" (al-Zuhaili, 2004).
- c. Berkata al-Fasi: "Dimaksudkan dari *Maqasid al-Syariah* adalah tujuan darinya dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukum-hukumnya" (al-Fasi, 1993).

- d. Ibnu Asyur menyebut bahawa *Maqasid al-Syariah* adalah: "Hikmah, rahsia dan tujuan diturunkannya syariat secara umum dengan tanpa mengkhususkan daripadanya satu bidang tertentu" (Ibnu Asyur, 2001).
- e. Menurut al-Raysuni pula, *Maqasid al-Syariah* adalah: "Sebuah tujuan yang cuba dicapai oleh syarak demi memastikan kemaslahatan hamba-hamba-Nya" (al-Raysuni, 1999).

3. MAQASID AL-DHARURIYYAT

Dari penelitian para ulama, setiap perundangan syarak bertujuan menyampaikan kemaslahatan kepada manusia. Kemaslahatan ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat menurut keutamaannya, iaitu: al-Dharuriyyat, al-Hajiyyat dan al-Tahsiniyyat (al-Syathibi, 2012; al-Raysuni, 2010).

Dimaksudkan dengan Maqasid al-Dharuriyyat adalah perkara yang diperlukan bagi mencapai kebaikan dunia serta keberlangsungan hidup di dalamnya dan kejayaan di akhirat. Pengabaian akan membawa kerosakan dalam pengurusan kehidupan dunia dan kehancuran di akhirat kelak (al-Syathibi, 2012; Institut Darul Ehsan, 2017). Terkadang para ulama Maqasid menggunakan kata *al-Kulliyyat* atau *al-Usul* atau *al-Arkan* iaitu asas, bagi menggantikan penggunaan *al-Dharuriyyat* (al-Raysuni, 2014).

Analisa para ulama mendapat terdapat lima perkara yang boleh digolongkan di bawah Maqasid al-Dharuriyyat ini, iaitu: Agama, Jiwa, Akal, Nasab dan Harta. Kayu ukur yang digunakan oleh para ulama dalam menentukan sesuatu perkara itu termasuk dalam Maqasid al-Dharuriyyat atau tidak adalah:

- a. Seseorang itu dianggap telah melakukan dosa besar jika perkara itu ditinggalkan atau diabaikan.
- b. Perkara tersebut diancam dengan hukuman hudud ke atas mereka yang melakukan pelanggaran terhadapnya.
- c. Seluruh dan perundangan bersepakat bahawa perkara itu perlu ada dan dijaga demi keberlangsungan kehidupan (al-Syathibi, 2012; al-Nafii, Tt).

Imam Abu Hasan al-A'miri menggunakan perkataan *al-Mazjarah* (المجزرة) yang bermaksud tegahan yang keras dalam teorinya terhadap Maqasid al-Dharuriyyat ini seperti *Mazjarah Qatli al-Nafs* iaitu tegahan keras dalam membunuh, *Mazjarah Akhzi al-Amwal* iaitu tegahan keras dalam mengambil

harta dan sebagainya. Teori seperti ini diikuti oleh al-Juwaini, namun Imam al-Ghazali merubahnya kepada perkataan *al-Hifz* (الحفظ) (al-Raysuni, 2014), yang membawa maksud penjagaan, pemeliharaan, perlindungan, pengawalan, mengembangkan dan menaik taraf (Institut Darul Ehsan, 2017).

4. PELENGKAP MAQASID AL-DHARURIYYAT

Para ulama usul terdahulu secara umumnya hanya membataskan *maqasid al-Dharuriyyat* kepada lima perkara sahaja iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pembahagian perkara *al-Dharuriyyat* kepada lima perkara ini dimulakan oleh Imam al-Ghazali (1993) dan kemudiannya diikuti oleh para ulama setelahnya seperti Imam al-Razi (Tt), al-Amidi (2003), al-Syathibi (2012) dan lain dari mereka. Imam al-Amidi dengan secara jelasnya menyebutkan bahawa perkara *al-Dharuriyyat* hanya lima perkara ini sahaja dan tidak ada perkara *al-Dharuriyyat* lain yang terkeluar daripadanya (al-Amidi, 2003). Golongan yang mengikuti Imam al-Ghazali juga berkeyakinan, jika dikatakan ada *al-Dharuriyyat* selain lima ini, maka ia boleh dimasukkan ke bawah salah satu *al-Dharuriyyat* yang lima tersebut atau ia hanya pelengkapnya sahaja.

Menurut al-Kubaisi (2006), setiap satu daripada *al-Dharuriyyat* itu mempunyai *al-Mukammil* (المكمل) iaitu pelengkap kepadanya. Tanpa pelengkap ini maqsad *al-Dharuriyy* tersebut tidak akan tercapai atau sukar untuk mencapainya. Memandangkan kedudukan *al-Mukammil* ini sangat penting dan amat diperlukan Imam al-Amidi (2003) dan al-Mahalli (Tt) meletakkan *al-Mukammil* bagi sesebuah perkara *al-Dharuriyy* sama seperti martabat *al-Dharuriyy* tersebut.

5. MAKNA WARISAN KEBUDAYAAN

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) mentakrifkan Warisan sebagai: Peninggalan atau sesuatu yang turun temurun. Mewarisi warisan boleh diertikan dengan mengikut jejak orang sebelumnya dalam pekerjaan dan lain-lain.

Kebudayaan berasal dari kata budaya. Perkataan ini merupakan bentuk jamak dari kata budi dan daya yang membawa erti cinta dan rasa. Perkataan ini berasal dari bahasa Sanskrit *budhayah* iaitu bentuk jamak dari kata buddhi yang membawa erti akal budi (Chalid, 2008).

Kebudayaan pula adalah cara kehidupan secara keseluruhannya. Ia merangkumi cara bertindak, berfikir, berkelakuan serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat,

tamadun, peradaban dan kemajuan (Kamus Dewan, 2015) seperti pakaian, makanan, adat resam, seni, dan sebagainya (Takari, 2015).

Ibrahim Chalid (2008) menukilkan bahawa setiap bangsa memiliki tiga wujud kebudayaan, iaitu:

- a. Kebudayaan yang berupa nilai-nilai, idea-idea, peraturan, norma dan sebagainya. Ia bersifat abstrak.
- b. Kebudayaan sebagai suatu kompleks aktiviti serta tindakan berpola dari anggota masyarakat.
- c. Kebudayaan yang berupa hasil karya manusia terdiri dari artifak, seni dan sebagainya.

Kebudayaan juga memiliki makna yang sinonim dengan adat (Takari, 2015). Ia adalah peraturan yang telah diamalkan turun temurun sejak dahulu kala dalam sesebuah masyarakat sehingga ia menjadi hukum yang perlu dipatuhi (Kamus Dewan, 2015) seperti adat beraja, adat bercakap, adat berkampung dan seumpamanya (Chalid, 2008; Takari, 2015). Dalam kata lain adat selalu dikaitkan dengan bagaimana manusia mengelola dirinya dan kelompok masyarakatnya. Ia juga merangkumi hubungan manusia dengan alam dan hubungan manusia dengan Allah SWT yang Maha Mencipta (Takari, 2015). Beradat juga diertikan dengan sopan santun.

6. KEPENTINGAN BUDAYA:

Budaya terbentuk dari keadaan lingkungan seperti sistem pengetahuan, agama, bahasa, kesenian, cara mencari kehidupan dan seumpamanya (Chalid, 2008). Dengan itu ia adalah bahagian dari kehidupan manusia yang dapat mencorak sesebuah bangsa lantas ia menjadi identiti mereka. Dengan ini warisan budaya memiliki kedudukan yang suci di sisi orang adat dan merupakan sesuatu yang amat bernilai di mata masyarakat dunia pada hari ini kerana ia memaparkan jati diri bangsa dan latar belakang sesebuah komuniti dan negara (Puguh, 2017; Yussof, 2018).

Pentingnya adat budaya dapat dilihat dari sudut fungsinya sebagai pengatur segenap sisi kehidupan, memberikan arahan dan landasan dalam semua kegiatan dari hal yang besar sehingga yang kecil (Takari, 2015). Aturan budaya jika dihayati dapat mengangkat sesebuah bangsa ke tingkatan yang tinggi dalam masyarakat menerusi budi pekerti yang dibawanya dan nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya (Chalid, 2008).

Budaya tradisional dapat menghasilkan kehidupan yang rukun, sejahtera, stabil dan harmonis dalam sebuah negara berbilang kaum dan etnik (Yussof, 2018; Datuk Al Azhar, 2015). Ini dapat dicapai melalui sifat perpaduan yang dipupuknya dan sifat tolak ansur yang cuba disuburkannya. Perkara ini bukanlah sebuah isu remeh-temeh yang boleh dipandang rendah dan tidak penting. Kehilangan perpaduan dapat menghancurkan sesebuah bangsa bahkan mampu mengheret sesetengah negara ke kancang peperangan saudara.

Contohnya nilai keterbukaan dan kemajmukan menjadikan budaya Melayu sangat terbuka (Al Azhar, 2015) sehingga dapat menyerap bangsa lain ke dalam masyarakat Melayu dan mampu menjadikannya berintegrasi dengan budaya lain lalu dapat melahirkan masyarakat yang majmuk (Takari, 2015). Begitu juga dengan nilai seaib semalu, ia memelihara hubungan individu dan masyarakat dengan mengajarkannya saling memelihara hubungan yang baik dan menutup kekurangan orang lain (Al Azhar, 2015). Demikian juga dengan nilai kebersamaan.

Pelestarian budaya sesebuah bangsa juga secara tidak langsung akan mengekalkan sejarahnya dan mengingatkan kepada asal usul mereka serta menyambung tamadunnya ke generasi penerus. Seperti kisah-kisah jatuh bangunnya kerajaan Melayu yang sering disajikan dalam drama bangsawan, peralatan yang dicipta oleh orang dahulu kala bagi memudahkan kehidupan, peninggalan kota, tembok pertahanan dan senjata dapat mengingatkan kepada perjuangan nenek moyang dalam mempertahankan tanah air, manuskrip-manuskrip lama dan seni menenun kain serta membina bangunan menjadi bukti tahap keilmuan tinggi yang telah dikecapi oleh generasi sebelumnya dan begitu juga dengan peninggalan warisan kebudayaan yang lain.

Misalnya nilai senenet semoyang atau keturunan bersama dalam budaya Melayu mengajarkan orang untuk merasa seasal dan seketurunan iaitu sama-sama keturunan Adam dan Hawa AS. Dalam ruang yang lebih kecil ia menyedarkan orang akan kesamaan keturunan. Nilai ini dapat menumbuhkan rasa kekeluargaan dalam erti yang luas (Al Azhar, 2015), sifat saling membantu dan bergotong royong.

Ini adalah antara kepentingan dan tujuan mengapa perlunya melestarikan warisan kebudayaan dan menjaganya dari terhakis dan pupus. Ia merupakan sebuah khazanah yang sangat bernilai yang perlu dipertahankan agar menjadi bahan tatapan generasi seterusnya (Yussof, 2018). Pelestarian ini juga dapat menjadi motivasi dan pemangkin semangat mereka bagi meneruskan legasi yang ditinggalkan. Ia juga berupaya menjaga jati diri anak muda dari

mengikuti anasir negatif yang cuba mempengaruhi diri mereka.

7. PANDANGAN ISLAM TERHADAP KEBUDAYAAN:

Islam tidak memandang kebudayaan sebagai musuh yang harus diperangi. Bahkan ia akan mengekalkan kebudayaan yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam, bahkan mengaitkan sebahagian hukum syarak dengannya sehingga terbit kaedah (العادة مُحَكَّمة) yang bermaksud, adat itu dapat dijadikan hukum. Kebudayaan yang bertentangan dengan syarak pula akan dilihat, apakah mampu "direkonstruksi" semula agar bersesuaian dengan ajaran Islam atau tidak. Jika budaya itu mampu direkonstruksi maka sisi yang bertentangan dengan ajaran Islam akan diubah sehingga bertepatan dengan ajarannya, namun jika tidak mampu diolah semula kerana keseluruhananya bercanggah dengan ajaran Islam, maka ia akan ditentang dan dibuang (Azhar, 2012).

Surah al-Hujuraat ayat ke-13 menyuruh manusia untuk saling mengenali kebiasaan dan budaya bangsa lain. Hal ini tidak dapat dilakukan jika kedatangan Islam itu sendiri bertujuan membasmikan budaya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُورًا وَقَبَّا إِلَيْتُمْ عَارِفُوا هِ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقُكُمْ هِ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ

Maksudnya: "Wahai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal, sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu, sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha mengenal".

Surah al-Quraisy merupakan bentuk pelestarian budaya bangsa Quraisy yang berdagang pada musim panas ke Syam dan pada musim sejuk ke Yaman. Al-Quran juga menyebutkan beberapa peninggalan sejarah yang terdapat di tanah Arab seperti makam Ibrahim, Madain Salih, empangan Maarib dan sebagainya. Setengah kebudayaan masyarakat Mekkah yang merupakan nilai-nilai dalam kemasyarakatan turut diabadikan oleh al-Quran seperti memberi makan dan minum kepada jemaah haji dan menjaga Kaabah. Bahkan al-Quran itu sendiri melestarikan bahasa dan sastera Arab.

Nabi SAW turut mengakui sebahagian kebudayaan masyarakat Arab Jahiliah pada zaman tersebut seperti akhlak mulia yang ditunjukkan mereka dalam kehidupan seharian seumpama memuliakan tetamu, sabar, menunaikan janji,

menghormati jiran, memberikan perlindungan, keberanian dan lain-lain lagi. Terdapat juga upacara Jahiliah yang diresap oleh Baginda ke dalam agama Islam kerana ia mengandungi nilai-nilai kebaikan walau terdapat perubahan yang sedikit di dalamnya seperti pertunangan, akikah, walimah, khitan dan sebagainya. Hukuman ke atas kesalahan jenayah yang telah sedia ada turut diraikan Baginda seperti kadar ganti rugi yang disebut *Diyah* yang diperkenalkan oleh Abdul Muthallib dan memotong tangan kanan pencuri yang dimulakan oleh al-Walid bin Mughirah (al-A'sakir, 1408H). Pakaian dan masakan masyarakat Arab juga turut dilestarikan oleh Baginda SAW.

8. HUBUNGAN BUDAYA MELAYU DENGAN AGAMA ISLAM:

Budaya Melayu merupakan produk dari proses kumulatif bermula dengan kedatangan unsur-unsur budaya Hindu-Buddha (Chee, 1993). Sifat budaya yang berkembang dan dipengaruhi keadaan sekeliling telah membuat unsur-unsur ini terhakis dan berubah dengan kedatangan agama Islam dan peradabannya. Budaya Melayu pada ketika itu lantas menyatu dengan ajaran Islam sehingga nilai keislaman sangatlah besar dan menjadi acuan dasar budaya Melayu (Mahadi, 2019).

Kuatnya pengaruh agama Islam dalam budaya Melayu dapat dilihat melalui peringkat-peringkat adat budaya dalam bangsa Melayu. Ia meletakkan adat yang berdasarkan ajaran Islam pada peringkat tertinggi yang tidak dapat diubah dan ditukar ganti. Peringkat adat kebudayaan tersebut adalah seperti berikut (Takari, 2015):

Pertama: Adat Yang Sebenar Adat: ia adalah adat budaya yang sebenar-benarnya. Adat budaya pada peringkat ini berasaskan ajaran Islam. Ia tidak boleh ditukar dan diubah. Dalam ungkapan adat yang merujuk kepada adat peringkat ini adalah: “*Dianjak layu, diumbat mati, bila diunjuk ia membunuh, bila dialih ia membinasakan*”.

Kedua: Adat Yang Diadatkan: ia adalah sebuah aturan tertentu yang terhasil dari muafakat sesebuah penduduk daerah, berdasarkan nilai-nilai keagamaan, kebenaran dan keadilan. Ia bertujuan menjamin kebahagiaan penduduk, kemudian perlaksanaannya dipercayakan kepada seorang penguasa seperti raja, penghulu dan sebagainya. adat jenis ini mengarah kepada sistem-sistem sosial dan dapat berubah sesuai dengan peredaran masa dan perkembangan masyarakat. Antara ungkapan adat yang merujuk kepada peringkat ini adalah: “*Penuh tidak melimpah, berisi tidak kurang, terapung tidak hanyut, terendam tidak basah*” (Takari, 2015).

Ketiga: Adat yang teradat: ia adalah kebiasaan-kebiasaan yang secara beransur-ansur menjadi adat. Adat ini merupakan konsep masyarakat Melayu terhadap kesinambungan dan perubahan, seperti pakaian, dahulunya tengkuluk dahulunya menjadi adat kebudayaan pakaian Melayu, namun sekarang songkok menjadi pakaian yang teradat, begitu juga dengan alat muzik dan sebagainya. antara ungkapan adat merujuk kepada peringkat ketiga ini adalah: “*Sekali air bah, sekali tepian berpindah, sekali zaman beredar, sekali adat berkisar*”. (Takari, 2015).

Keempat: Adat-istiadat: Ia adalah kumpulan dari pelbagai kebiasaan yang tertumpu kepada upacara-upacara khusus seperti adat pernikahan, kelahiran, permakaman, kenduri arwah, maulid Nabi, Israk Mikraj, Hari Raya, pembukaan tanah, dan sebagainya.

Hasil dari penyusunan ini lahirlah beberapa ungkapan yang memperlihatkan betapa bangsa Melayu menjunjung ajaran Islam dan meletakkannya ditempat yang termulia. Antara ungkapan tersebut adalah: “*Adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah, syarak mengata adat memakai, sah kata syarak, benar kata adat, bila bertikai adat dengan syarak, tegakkan syarak*” (Al Azhar, 2015).

Demikian juga ungkapan “*Biar mati anak jangan mati adat*”. Adat disini merujuk kepada adat yang sebenar adat. Ia mencerminkan betapa tinggi dan mulianya kedudukan adat dalam masyarakat Melayu. Adat ini mestilah dibela dan ditegakkan walaupun terpaksa mengorbankan kaum keluarga tersendiri. Begitu juga ungkapan: “*Mati anak duka sekampung, mati adat duka senegeri*”, mengajarkan keutamaan dan peri pentingnya peranan adat dalam kehidupan masyarakat Melayu (Takari, 2015).

Hasil adunan yang amat sebatи antara ajaran Islam dan kebudayaan Melayu menyebabkan ia digelar dengan budaya Melayu Islam (Chalid, 2008). Oleh itu siapa sahaja yang masuk Islam di tanah Melayu akan digelar juga dengan masuk Melayu. Melekat panggilan tidak beragama terhadap diri mereka yang tidak beradat atau tidak mengetahuinya (Takari, 2015). Mereka yang murtad pula dipanggil dengan keluar dari Melayu dan tidak lagi dianggap berbangsa Melayu lalu diharamkan dari segala keistimewaan dan hak-hak bangsa Melayu (Takari, 2015).

Budaya Melayu Islam itu adalah hasil dari adunan ajaran agama Islam, bahasa dan adat istiadat yang telah sedia ada (Chalid, 2008). Terdapat banyak contoh penjelmaan dan adaptasi budaya Islam dan Arab ke dalam budaya Melayu. Sebagai contoh tidak sedikit bahasa Arab yang dipinjam oleh orang Melayu seperti alim, kerabat, askar, izin, jiran, rehat dan banyak lagi. Tulisan jawi juga

berasal dari tulisan Arab.

Dari aspek kesenian pula ia meliputi arkitektur, kaligrafi, seni ukir dan lain-lain (Adlan, Tt). Pakaian masyarakat Melayu juga dipengaruhi oleh ajaran Islam apabila mereka mula memperkenalkan pakaian yang longgar, tudung dan seumpamanya. Perbuatan sehari-hari juga telah diolah agar bertepatan dengan syariat seperti memberi salam dan makan dengan tangan kanan. Cara berfikir masyarakat Melayu turut berubah setelah memeluk Islam. Mereka mula berfikir secara rasional berbanding sebelumnya di mana mereka berfikir secara mitos (Chalid, 2008). Agama Islam jelas mempunyai pengaruh yang utama dalam adat istiadat dan kebudayaan Melayu.

9. IMPLIKASI PENGABAIAN BUDAYA MELAYU TERHADAP AGAMA:

Di dalam menjaga agama sebagai salah satu daripada perkara *al-Dharuriyyat*, Syarak menyuruh melakukan setiap perkara yang dapat melestarikannya, menjaga kepentingannya, mengembangkannya, mengukuhkannya dan mempromosikannya kepada masyarakat luar. Cara penjagaan ini dikenali dengan (حفظ الدين من حيث الوجود). Di samping itu Syarak turut melarang perkara-perkara yang dapat menjelaskan dan memudaratkan keutuhan agama, melemahkannya dan menghancurkannya. Cara penjagaan seperti ini disebut dengan (حفظ الدين من حيث العدم) (Syahid, et al, 2017; Institut Darul Ehsan, 2017).

Budaya Melayu berfungsi sebagai sebuah mekanisme yang menyerap dan mengembangkan nilai-nilai Islam, kemudian menyebarkannya ke dalam masyarakat. Adat budaya Melayu yang berakar dari ajaran dan nilai Islam ini kemudian menjadi jati diri orang-orang Melayu sehingga tidak dapat dipisahkan dari segenap aspek kehidupan mereka (Takari, 2015).

Melihat kepada fungsi budaya dalam penyebaran agama Islam, dapat dijangkakan jika budaya Melayu ini dikikis dan diabaikan, secara tidak langsung nilai-nilai keislaman dapat dileburkan dari diri anak-anak Melayu. Ketika itu mereka akan kehilangan jati diri dan mencari identiti baru daripada kebudayaan barat atau mana-mana kebudayaan yang tidak berlandaskan agama Islam. Apabila budaya lain diadaptasikan ke dalam kehidupan mereka, akan terikut bersamanya unsur-unsur agama selain Islam. Ini disebabkan setiap budaya bangsa yang ada di dunia ini akan berlandaskan agama yang dianuti oleh bangsa itu (Takari, 2015).

Contohnya jika budaya pakaian Melayu yang bersifat longgar dan sopan ditinggalkan kemudian diterima budaya pakaian barat, maka akan tercemar hukum menutup aurat dalam Islam. Demikian juga pada aspek kehidupan yang lain seperti upacara pernikahan, cara tutur kata dan sebagainya. Pengabaian budaya Melayu juga akan menjadikan minda mereka terjajah, merosotnya perpaduan ini dibuktikan dengan terhakisnya budaya gotong royong dan bermesyuarat di kalangan masyarakat.

Juri Lina (2004) ada menyebutkan, untuk menjajah dan melemahkan sesebuah negeri, hendaklah diputuskan hubungan masyarakat negeri tersebut dengan leluhurnya dengan menanam dalam fikiran mereka bahawa leluhurnya adalah sebuah masyarakat yang bodoh, tidak bertamadun dan sangat primitif. Sebelum perkara ini ditanamkan terlebih dahulu hendaklah dikaburkan sejarah kehebatan nenek moyang mereka dan menghancurkan bukti-bukti sejarahnya sehingga tidak dapat lagi dibuktikan kebenaran sejarah mereka.

Perkara yang hampir sama disebutkan oleh Lord Macaulay dalam ucapannya di parlimen British pada 2 Feb 1835. Dalam ucapan itu beliau berpendapat bahawa sebuah bangsa tidak dapat dijajah kecuali jika tulang belakangnya dihancurkan. Tulang belakang yang dimaksudkan olehnya adalah kerohanian dan warisan kebudayaan bangsa tersebut. Bagi mencapai tujuan ini beliau mencadangkan agar sistem pembelajaran negara yang ingin dijajah itu diubah mengikut acuan barat supaya mereka percaya bahawa apa sahaja yang dinisbahkan kepada barat dari kebudayaan dan sebagainya adalah lebih baik dari apa yang mereka miliki (Abdul Mua'ti, 2019).

Kenyataan-kenyataan seperti ini menunjukkan betapa eratnya budaya sesebuah bangsa dengan ajaran agama yang dianutinya. Oleh yang demikian warisan budaya Melayu perlu dilestarikan demi menjaga keutuhan agama Islam yang menjadi nadi kehidupan budaya Melayu.

10. PENUTUP:

Kebudayaan adalah sebuah aturan kehidupan yang telah biasa dilakukan oleh sesebuah bangsa demi keharmonian hidup. Ia dapat membentuk jati diri anak-anak bangsa tersebut dan merupakan sebuah khazanah warisan yang tidak ternilai. Budaya Melayu secara khususnya pula, telah teradun dengan nilai-nilai ajaran Islam dan ia menjadi asas yang kukuh untuknya. Melestarikan warisan budaya Melayu secara tidak langsung dapat memelihara dan mengekalkan nilai keislaman di dalam masyarakat Melayu. Oleh yang demikian ia dianggap sebagai penyumbang atau pelengkap terhadap penjagaan agama Islam yang menjadi salah satu dari perkara *al-Dharuriyyat*.

11. RUJUKAN:

Al-Quran al-Kareem.

Abdul Mua'ti. (2019). *Kegemilangan Tamadun Melayu*. Syarahan. <https://m.youtube.com/watch?v=apoFHPJeIpU>. (Diakses 13 Mac 2022).

Adlan,Arieff. Tt. *Pengaruh Islam Ke Atas Masyarakat Melayu*. Academia.edu. (Diakses 29 Mei 2022).

Al-A'skari, al-Hasan bin Abdullah. 1408H. *Kitab al-Awail*. Tanta: Dar al-Basyir.

Al-Amidi, Ali bin Muhammad. (2003). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Saudi: Dar al-Shumaiii.

Al-Fasi, A'llal. (1993). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa Makarimaha*. Dar al-Gharb al-Islami.

Al-Ghazali, Muhammad. (1993). *al-Mustasfa fi Ilmi al-Ulus*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Kubaisi, Basyir al-Mahdi. (2006). *al-Maqasid al-Syariah wa Kaifiyah al-Ta'mul I'nda al-Ta'rudh*. Majallah al-Imam al-A'zam 2(2).

Al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad. (Tt). *Syarh al-Jalal al-Mahalli a'la Jamie al-Jawami'* (dicetak bersama Hasyiah al-A'tthar). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Nafii, Karim. Tt. *al-Dharuriyyat al-Khams Bayna al-Ziyadah wa al-Hasr, "Idhafah Maqsad al-Adl Inda Ibnu Taimiyyah Anmuzajan"*. Markaz Namaa li al-Buhuts wa al-Dirasaat.

Al-Qatthan, Manna'. (1996). *Tarikh al-Taysri al-Islami*. Riyadh: Maktabah al-Ma'rif.

Al-Raysuni, Ahmad. (1999). *Al-Fikr al-Maqasidi Qawaieduha wa Fawaieduha*. Maghribi: Maktabah Zaman

Al-Raysuni, Ahmad. (2010). *Madkhal ila Maqasid al-Syariah*. Kaherah: Dar al-Kalimah.

- Al-Raysuni, Ahmad. (2014). *Muhadhabaat fi Maqasid al-Syariah*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Al-Razi, Muhammad bin Umar. Tt. *al-Mahsul fi Ilmi Usul alFikh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Syathibi, Ibrahim. (2012). *Al-Muwafaqaat*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Yubi, Muhammad Saad. (1998). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Saudi: Dar al-Hijrah.
- Al-Zubaidi, Muhammad Murthadha. (2012). *Taj al-A'rus min Jawahiri al-Qamus*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2004). *Usul al-Fikh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Azhar Ibrahim. (2012). "Sejarah Islam di Asia Tenggara". Seminar. 30 Mac.
- Chalid, Ibrahim. (2008). *Peradaban Melayu Sebagai Khazanah Peradaban Nusantara*. Seminar. 25 Ogos.
- Chee, Tham Seong. (1994). *Arah-arah Perkembangan Kebudayaan Melayu: Suatu Penilaian*. Singapura: Universiti Nasional Singapura.
- Datuk Al Azhar. (2015). *Nilai-nilai Asas Jati Diri Melayu Sebagai Perekat Persatuan dan Kesatuan Bangsa*. Ceramah Arif Budiman ke-11.
- Ibnu Asyur, Muhammad Thahir. (2001). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Ibnu Manzur. (1999). *Lisanu al-Arab*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-A'rabi.
- Institut Darul Ehsan. (2017). *Kompedium Maqasid Al-Shariah*. Selangor: Attit Press Sdn Bhd.
- Kamus Dewan. (2015). Selangor: Ultimate Print Sdn Bhd.
- Lina, Juri. (2004). *Architects of Deception*. Sweden: Referant Publishing
- Mahadi, Said. (2019). *Melayu Bertunjangkan Adat, Adat Berlandaskan Islam*. Berita Harian. 4 Mei. berita.mediacorp.sg. (Diakses 19 Mei 2022)

Puguh, Dhanang Respati. (2017). *Melestarikan dan Mengembangkan Warisan Budaya, Kebijakkan Budaya Semarang Dalam Perspektif Sejarah*. Jurnal Sejarah Citra Lekha. 2(1).

Syahid, Muallimin & Mamat, Zul faqar & Mokhtar, Ahmad & Ibrahim, Neggasi. (2017). *Muzakkirah Maqasid al-Syariah*. Nilai: Penerbit USIM.

Takari, Muhammad. (2015). *Adat Dalam Peradaban Melayu*. Medan: majlis Adat Budaya Melayu Indonesia.

Yusoff, Mohd Yuszaidy. (2018). *Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana di Malaysia*. Jurnal Melayu. 17(2).

Zaidan, Abdul Karim. (2001). *Al-Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar Umar ibn al-Khattab.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.